



Reformasi Ekonomi dalam Belanjawan 2024

Pada petang 13 Oktober 2023 lalu, tumpuan rakyat tertumpu pada Persidangan Dewan Rakyat apabila YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim membentangkan Belanjawan 2024. Beliau yang juga Menteri Kewangan membentangkan usul Belanjawan MADANI bertemakan "Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat". Belanjawan 2024 ialah belanjawan kedua sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 24 November 2022.

Beliau yang berpakaian baju Melayu lengkap berwarna biru muda dengan bersamping yang dihasilkan oleh Penjara Penor, Pahang dan bersongkok serta memakai capal dari Kepala Batas kelihatan membawa beg fail berwarna hitam bermotif corak tenunan Sarawak meninggalkan Kementerian Kewangan pada pukul 3.07 petang menuju ke Parlimen. Beg berkenaan berisi teks ucapan pembentangan Belanjawan 2024 setebal 114 halaman yang disampaikan oleh beliau dalam tempoh lebih daripada dua jam.

Bagi peminat bahasa yang tahu akan kecenderungan beliau, mereka ingin tahu apakah istilah dan ungkapan baharu yang akan digunakannya. Ternyata ucapan belanjawan ini disulam dengan istilah, ungkapan dan frasa yang segar bagi mengelakkan ucapan belanjawan tersebut kedengaran terlalu formal. Dari segi bahasa, ucapan itu memang tidak mengecewakan kerana Perdana Menteri sebagai pejuang bahasa meneruskan amalannya ketika menjadi Menteri Kewangan lebih 25 tahun lalu. Terdapat banyak kosa kata baharu termasuk perkataan daripada bahasa Indonesia yang diperkenalkan termasuklah ketimbang (berbanding) dan kebijaksanaan (dasar).

Di Parlimen, wakil rakyat dari Kerajaan Perpaduan dan juga Perikatan Nasional sudah menunggu, sementara 32 juta rakyat berteka-teki apakah belanjawan itu bakal menguntungkan mereka serta dapat menangani isu yang dihadapi oleh negara. Bagaimanakah belanjawan itu merealisasikan dan mengoperasikan konsep MADANI yang diperjuangkan oleh beliau? Enam teras MADANI, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan yang dibahagi kepada dua teras, iaitu kemampanan yang berpaksikan Malaysia dengan wajah ekonomi baharu yang mencabar dan kesejahteraan yang berpaksikan membela kesusahan rakyat dalam menangani kos sara hidup.

Belanjawan 2024

Secara keseluruhan, Belanjawan 2024 mendapat reaksi yang pelbagai dan bercampur-campur daripada pelbagai sektor, profesion dan golongan di negara ini. Sebagaimana semua belanjawan lain yang pernah dibentangkan sebelum ini, akan ada suara yang tidak puas hati dan golongan yang kecewa. Begitupun saya percaya, lebih ramai yang menyambut belanjawan tersebut dengan

perasaan lega dan berlapang dada, termasuklah penjawat awam yang menerima ganjaran sebanyak RM2000, manakala golongan pencen menerima RM1000 pada tahun 2024.

Bagaimanakah belanjawan terbesar dalam sejarah dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM393.8 bilion ini bakal memacu negara dalam pelbagai bidang? Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak RM303.8 bilion diperuntukkan untuk belanja mengurus, manakala sebanyak RM90 bilion adalah untuk belanja pembangunan serta RM2 bilion sebagai simpanan luar jangka. Jumlah ini memperlihatkan peningkatan ketara berbanding dengan Belanjawan 2023 dengan peruntukan sebanyak RM372.3 bilion dan Belanjawan 2022 yang berjumlah RM322 bilion.

Terdapat komitmen di pihak kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 4.3% pada tahun hadapan, berbanding dengan 4.9% pada tahun ini dan 5.6% pada tahun 2022. Dalam konteks ini, kerajaan berada di landasan untuk mencapai sasaran defisit fiskal pada kadar 5% atau kurang untuk tahun ini berdasarkan indikator yang menggalakkan ditunjukkan setakat ini. Berdasarkan tempoh lapan bulan pertama tahun 2023, jumlah hasil tercatat adalah sebanyak RM201.4 bilion, meningkat 16.2 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu.

Perbelanjaan turut meningkat kepada RM248.6 bilion dalam tempoh yang dikaji, iaitu peningkatan sebanyak 10.4% berbanding dengan lapan bulan pertama bagi tahun 2022. Hal ini menunjukkan bahawa kenaikan hasil adalah lebih tinggi daripada perbelanjaan. Bagi defisit atau lebih perbelanjaan untuk lapan bulan pertama tahun 2023 pula adalah sebanyak RM47.2 bilion yang baru mencecah sekitar 50% daripada sasaran defisit RM93.9 bilion untuk tahun 2023. Hal ini bermaksud dalam tempoh lapan

bulan pertama 2023, kerajaan mencatatkan sebanyak 50% defisit perbelanjaan daripada yang disasarkan.

Justeru, berdasarkan angka ini sasaran defisit fiskal 5% mampu dicapai, malah mungkin boleh mencatat nilai yang lebih rendah daripada itu. Agensi penarafan antarabangsa seperti Moody's, Fitch dan Standard & Poor ingin menyaksikan Malaysia kembali kepada perbelanjaan berhemat - satu tugas yang sukar dan berat bagi Kerajaan Perpaduan. Jika kerajaan terlalu mengetatkan perbelanjaan, hal ini tentu akan memberi risiko besar terhadap kedudukan kerajaan. Maka itu, tidak hairanlah YAB Perdana Menteri tidak terlalu "kedekut" dari segi peruntukan, malah mengumumkan belanjawan terbesar dalam sejarah.

Namun begitu, pada waktu yang sama beliau perlu berhati-hati dan berhemat untuk tidak terperangkap dalam jaring defisit fiskal yang keterlaluan. Berlawanan dengan yang dijangka, belanjawan ini ialah belanjawan yang mengembang, iaitu yang tidak mengurangkan perbelanjaan dengan keyakinan bahawa belanjawan perlu bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan. YAB Perdana Menteri sedar akan perlunya berbelanja meskipun tidak terdapat pengumuman projek mega melalui belanjawan ini. Belanjawan yang lebih besar ini juga dibentangkan di sebalik dasar kewangan Amerika Syarikat yang semakin ketat. Seyogianya diingatkan bahawa sejak Mac 2022, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat telah menaikkan kadar cukai daripada hampir 0% kepada antara 5% hingga 5.25%. Belanjawan yang lebih besar mungkin sebagai jangkaan kepada pertumbuhan perlahan atau kemelesetan ekonomi pada tahun depan, justeru konsolidasi fiskal berperingkat-peringkat amat didambakan. Kesungguhan dan komitmen kerajaan wajar dipuji di sebalik hutang dan liabiliti negara yang menjangkau

RM1.5 trilion atau 82% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Bayangkan, bayaran khidmat hutang sahaja dijangka mencatatkan sebanyak RM46.1 bilion atau 15.2% daripada hasil pada tahun 2024.

Cabaran dan Solusi Belanjawan 2024

Dalam Belanjawan 2023, belanjawan pembangunan meliputi USD3 bilion untuk pembayaran balik bon yang ditanggung oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Dengan ketiadaan pembayaran balik hutang 1MDB pada tahun hadapan, dana tersebut dapat disalurkan kepada kegunaan lain yang lebih mendesak dan memerlukan, sekali gus melegakan sedikit bebanan terhadap tanggungan kewangan yang terpaksa dipikul oleh kerajaan. Hal ini selari dengan pengurusan dasar fiskal dan

tatakelola yang baik seperti yang sering dijanjikan oleh beliau sejak menerajui kerajaan.

Langkah meluaskan sumber pendapatan kerajaan dengan menaikkan cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% bagi sektor logistik, perkhidmatan insurans dan karaoke sedikit banyak dapat membantu pendapatan dan hasil kerajaan. Cukai keuntungan modal akan diperkenalkan pada kadar 10% bagi jualan saham yang tidak tersenarai oleh syarikat tempatan bermula pada 1 Mac 2024. Pengecualian bagi tawaran terbitan saham awam (IPOs) pula sedang dipertimbangkan. Undang-undang percukaian baharu ke atas barangan mewah seperti barangan kemas dan jam tangan ditetapkan pada kadar 5% hingga 20% akan diperkenalkan.

Cadangan pertambahan cukai perkhidmatan kepada

8% ini juga akan berkuat kuasa pada 1 Mac 2024. Hal ini tidak membabitkan makanan dan minuman, serta perkhidmatan telekomunikasi. Perkhidmatan logistik dianggap perkhidmatan perlu. Peningkatan sebanyak 2% dijangka dapat meraih hasil tambahan sebanyak RM3 bilion pada 2024. Melangkah ke hadapan, kerajaan harus terus berusaha untuk menambah baik asas hasil dan pendapatannya. Cukai berkenaan dan cukai barangan mewah, berkemungkinan akan meningkatkan kos perniagaan disebabkan ketiadaan mekanisme input tax credit di bawah rejim. Oleh sebab itu, amat penting bagi mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan terbabit memberikan perhatian terhadap peraturan berkaitan, dan berusaha untuk menangani kesannya. Sesungguhnya, reformasi cukai dan fiskal



yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2024 merupakan inisiatif dan langkah yang tepat. Yang penting pelaksanaannya berkesan, dengan mengambil kira pandangan golongan yang terkesan.

Menurut Dato' Seri Anwar Ibrahim, Malaysia juga bakal mengguna pakai standard percukaian antarabangsa bagi mengekang perbuatan mengelak cukai dengan memperkenalkan cukai minimum global menjelang tahun 2025 yang hanya akan dikenakan ke atas syarikat dengan pendapatan global melebihi 750 juta euro (USD789 juta). Antara langkah reformasi percukaian bagi melonjakkan pendapatan kerajaan termasuklah memperkenalkan e-invois ke atas pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta (USD21.1 juta), yang akan dilaksanakan mulai 1 Ogos 2024.

Kerajaan kelihatan berhati-hati untuk tidak membebankan rakyat dari segi cukai. Peningkatan dramatik dari segi cukai tentunya mempunyai dampak dan implikasi besar terhadap pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negara. Negara ini perlu terus memacu pertumbuhan ekonomi, terutamanya melalui pelaburan langsung asing yang akan menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini. Pertumbuhan dan pembangunan merupakan sebahagian daripada rangka kerja YAB Perdana Menteri di bawah gagasan MADANI.

Hanya dengan mengurangkan defisit dan tanggungan, kerajaan akan dapat mengembalikan kedudukan fiskal negara yang mampan. Pada peringkat mengurus atau operasi dan pelaksanaan, kerajaan dan kontraktor yang terlibat perlu memastikan tidak berlaku pembaziran dan ketirisan dengan menyiapkan semua projek dan membekalkan perkhidmatan secara telus dan penuh integriti untuk

Belanjawan 2024 yang telah mendapat masukan dan komen daripada pelbagai pihak, termasuk sektor swasta dan pakar ekonomi mampu menyokong pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program yang dirancang oleh kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensinya.

mengelak perkara itu daripada berlaku.

Belanjawan ini dibentuk dengan berpandukan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMK-12). Belanjawan ini dilihat bersifat inklusif, berhemat dan menyeluruh, prorakyat dengan memberikan tumpuan terhadap kesejahteraan rakyat, serta berstrategi bagi memacu pembangunan dan ekonomi mampan negara ke tahap yang lebih baik. Belanjawan 2024 seiring dengan konsep MADANI yang mengambil kira kepentingan dan kebajikan semua lapisan rakyat melalui teras kemampanan. Belanjawan 2024 yang telah mendapat masukan dan komen daripada pelbagai pihak, termasuk sektor swasta dan pakar ekonomi mampu menyokong pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program yang dirancang oleh kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensinya. Selain itu, kerajaan kelihatannya berusaha

sedaya upaya untuk mencari keseimbangan antara azam untuk meneguhkan kembali kestabilan fiskal dengan usaha mempromosi pembangunan ekonomi.

Tumpuan belanjawan kali ini mendukung usaha menangani pelbagai isu rakyat seperti kos sara hidup yang tinggi, serta pembangunan di Sabah dan Sarawak. Peruntukan tersebut diberikan bagi memastikan rakyat mendapat bekalan barangan asas dengan harga yang berpatutan dalam situasi negara berhadapan dengan isu kos sara hidup. Kita perlu mengakui bahawa kos sara hidup dan peningkatan harga barang merupakan antara isu yang membelenggu rakyat, terutamanya golongan B40 dan M40 ketika belanjawan itu dibentangkan. Oleh itu, memang dapat difahami akan harapan golongan tersebut terhadap belanjawan pada kali ini. Untuk itu, didapati bahawa Belanjawan 2024 berupaya untuk menyokong dan merangsang perbelanjaan pengguna dan isi rumah rentan.

Hal ini meliputi pelbagai inisiatif dan bantuan untuk rakyat pelbagai lapisan termasuklah Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sebanyak RM100 sebulan selama setahun walaupun ada kemungkinan hal ini akan membebankan kerajaan pada jangka masa panjang. Kadar maksimum Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pula meningkat daripada RM3100 kepada RM3700 bermula pada tahun hadapan. Kadar minimum STR bagi golongan belia juga meningkat daripada RM350 kepada RM500. Bayaran pertama STR untuk isi rumah biasanya maksimum berjumlah RM300. Untuk STR 2024, bayaran pertama STR dinaikkan kepada RM500 yang akan disalurkan sebelum bulan Ramadan. Peruntukan untuk STR meningkat sebanyak RM2 bilion atau 25%, iaitu daripada RM8 bilion kepada RM10 bilion. Pemberian STR akan memberikan manfaat kepada sembilan juta penerima atau 60% daripada

penduduk dewasa Malaysia. Ternyata, kerajaan prihatin dan sedar akan keperluan rakyat, terutamanya golongan bawahan yang memerlukan bantuan untuk meringankan kos sara hidup mereka yang semakin meningkat.

Perlu diakui bahawa isu yang membebaskan rakyat ketika ini dan dijangka berlanjutan pada tahun hadapan ialah tekanan ke atas harga dan bekalan. Pemberian subsidi sememangnya dilihat akan dapat membantu, tetapi hanya untuk jangka masa pendek. persoalannya, selepas setahun bagaimanakah rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan yang lebih selesa? Kos sara hidup rakyat pada tahun hadapan juga dijangka akan semakin meningkat di samping peningkatan harga barang susulan keadaan geopolitik dunia yang tidak menentu.

Ringkasnya, belanjawan ini kurang jelas dari segi usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat walaupun sebelum ini amat ditekankan tentang tekad Perdana Menteri untuk menghapuskan kemiskinan secara total dalam kalangan rakyat. Malah, dasar gaji progresif yang dilaporkan akan diperkenalkan pada tahun hadapan tidak dinyatakan dalam belanjawan tersebut. Dengan inflasi dan kos sara hidup yang terus meningkat dan pendapatan yang tidak banyak berubah serta nilai ringgit yang semakin menguncup, sudah tentu yang didambakan oleh rakyat ialah peningkatan kuasa beli mereka. "Ikan" yang diberi hanya dapat bertahan untuk tempoh tertentu, sedangkan rakyat amat memerlukan kemahiran menangkap ikan agar mereka dapat terus bertahan dalam suasana cengkaman pelbagai cabaran perbelanjaan harian. Malah, dibimbangi pula dengan peningkatan cukai perkhidmatan sebanyak 2% bakal memberikan kesan langsung terhadap kenaikan harga barang, dan seterusnya kos sara hidup rakyat.

Pengurangan subsidi diesel dan elektrik tidak begitu signifikan, malah dijangka belum memadai bagi mewujudkan ruang fiskal yang bertujuan untuk pelaburan dalam pembangunan jangka panjang. Belanjawan tahun 2024 memperuntukkan sebanyak RM58.1 bilion untuk subsidi berbanding dengan perbelanjaan subsidi pada tahun ini yang telah mencecah hampir RM78 bilion. Jika dikaji Belanjawan 2022, dengan subsidi meliputi semua lapisan rakyat, didapati sebanyak 10% pengguna teratas menggunakan 50% daripada subsidi. Hal ini sudah tentu tidak adil dan tidak munasabah. Dalam konteks penggunaan elektrik dan utiliti, jika subsidi diberikan kepada semua orang termasuk pengguna teratas, sudah pasti hal ini merupakan satu pengherotan.

Perbelanjaan untuk subsidi dan bantuan sosial pada tahun hadapan akan berkurangan sekitar RM11.5 bilion menjadi RM52.8 bilion, kerana subsidi tersebut bergerak ke arah bantuan yang disasarkan dan bukannya subsidi menyeluruh.

Dato' Seri Anwar Ibrahim yang juga merupakan Menteri Kewangan memaklumkan kepada Dewan Rakyat bahawa Belanjawan 2024 juga dirangka untuk beralih daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar yang bertujuan untuk membela nasib golongan miskin. Malaysia memberikan pelbagai subsidi termasuk bahan api, minyak masak serta pelbagai barangan asas yang telah mengalami peningkatan harga akibat inflasi global. Djangka lebih daripada 60% daripada populasi negara ini akan menerima bantuan hasil langkah rasionalisasi bahan bakar. Menurut beliau lagi, subsidi diesel akan dikurangkan secara berperingkat, manakala kawalan harga yang ditetapkan ke atas ayam dan telur akan diteruskan sehingga harga di pasaran stabil. Perbelanjaan untuk subsidi dan bantuan sosial pada tahun hadapan akan berkurangan sekitar RM11.5 bilion menjadi RM52.8 bilion, kerana subsidi tersebut bergerak ke arah bantuan yang disasarkan dan bukannya subsidi menyeluruh. Sebagai contoh rebat elektrik bagi golongan miskin akan diteruskan sambil menghapuskan subsidi diesel secara berperingkat.

Risiko peningkatan harga minyak mentah dunia susulan peningkatan risiko geopolitik di sebalik krisis dan serangan kejam rejim Zionis terhadap Palestin, maka adalah penting bagi kerajaan memulakan program rasionalisasi subsidi bahan api. Perubahan daripada pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi bersasar pasti lebih baik dan kurang membebaskan kewangan kerajaan. Langkah tersebut dapat mengukuhkan kedudukan fiskal dan mengelakkan langkah percukaian yang lebih sukar.

Daripada analisis terhadap pelbagai sektor dan peruntukan yang disalurkan, Belanjawan 2024 mempunyai sasaran jelas untuk mengemudi negara melalui hala tuju ekonomi baharu dengan mengurangkan kos sara



hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan daya saing pada peringkat global dan menyokong iklim pelaburan kondusif baik pelaburan langsung asing (FDI) mahupun pelaburan langsung domestik (DDI).

Dapat dinyatakan bahawa Belanjawan 2024 bukan belanjawan yang populis menjelang pilihan raya. Belanjawan ini merupakan belanjawan yang pragmatik, holistik dan mencuba secara serius untuk menangani permasalahan yang dihadapi rakyat dan negara. Kerajaan melalui belanjawan ini memperlihatkan komitmennya untuk melaksanakan reformasi fiskal bagi memastikan kemampakan fiskal dan kewangan negara. Sesungguhnya, belanjawan ini memberikan perhatian yang serius terhadap usaha untuk menstrukturkan semula ekonomi, selain memberikan tumpuan terhadap reformasi kawal selia bagi mewujudkan persekitaran kewangan yang lebih mampan. Pertumbuhan ekonomi dan kewangan serta kesejahteraan rakyat yang menjadi tonggak dan tumpuan bagi memastikan negara berada pada landasan yang tepat.

Analisis Belanjawan 2024

Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) muncul sebagai penerima terbesar belanjawan dengan mewakili sebanyak 42.3% daripada jumlah keseluruhan peruntukan. Tumpuan kerajaan bagi KKM menerusi belanjawan itu adalah dengan pembinaan klinik kesihatan dan mengatasi masalah kesesakan hospital kerajaan di seluruh negara. Langkah ini sesuai dengan aspirasi rakyat yang mahu melihat masalah kesesakan dan kekurangan doktor termasuk doktor pakar dapat diatasi.

Sebanyak RM58.7 bilion diperuntukkan kepada KPM berbanding dengan RM55.2 bilion pada tahun 2023. Sejumlah RM1.9 bilion disediakan untuk menaik taraf dan menyelenggarakan sekolah di seluruh negara. Jelas Perdana Menteri, hal ini merangkumi sebanyak RM930 juta bagi kerja-kerja menaik taraf bangunan dan prasarana daif di 450 buah sekolah merangkumi 185 projek di Sarawak dan 155 di Sabah. Sebanyak RM1 bilion pula adalah untuk penyelenggaraan di semua

jenis sekolah, iaitu sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina, termasuk sekolah pendidikan khas, dengan memberi tumpuan terhadap keperluan pelajar autisme.

Menerusi peruntukan besar yang diberikan kepada KPM, sudah tentu prasarana dan kemudahan berkaitan, termasuk tenaga pengajar akan dapat ditambah baik bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi pada jangka panjang. Sistem pendidikan bersifat manusiawi selari dengan gagasan kerajaan MADANI tentu dapat dilaksanakan.

Peruntukan terbesar yang diberi kepada KPM memperlihatkan komitmen kerajaan untuk membangunkan bakat dan kemahiran golongan muda bagi memacu negara ke hadapan. Reformasi pendidikan seperti yang dihasratkan akan dapat dicapai melalui pelaksanaan peruntukan secara berhemat. Usaha serius perlu dilakukan untuk membaik pulih sekolah daif terutama di luar bandar, termasuk di Sabah dan Sarawak bagi memastikan murid di luar bandar juga dapat belajar dalam suasana yang kondusif dan menerima pendidikan yang berkualiti.



Peruntukan sebanyak RM6.17 bilion yang diberikan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pula tentu dapat mengukuhkan fungsinya bagi berhadapan dengan cabaran yang dihadapi oleh kementerian berkenaan khususnya isu kritikal dalam sektor pertanian dan agromakanan. Seperti yang diulas oleh menteri, peningkatan peruntukan sebanyak 14.4% berbanding dengan RM5.39 bilion pada tahun 2023 akan membantu KPKM memacu sektor agromakanan yang berfokus terhadap agenda pemodenan dan kelestarian aktiviti pertanian serta pengukuhan infrastruktur pertanian seperti yang diharapkan oleh menteri. Selain itu, peruntukan itu tentu dapat membantu pembangunan rantaian nilai agromakanan secara holistik serta pemerksaan agenda kebajikan petani, nelayan, penternak dan pesawah di samping fokus utama untuk memastikan keterjaminan makanan kepada semua rakyat negara ini.

KPKM juga seperti kementerian lain yang perlu melaksanakan inisiatif Belanjawan 2024 secara

cekap, berhemat serta efisien bagi memastikan golongan sasaran yang telah dikenal pasti mendapat manfaat segera daripada pengumuman ini. Sebarang ketirisan dalam belanjawan tentu akan memberi kesan besar terhadap golongan sasaran.

Sementara itu, sebelum Belanjawan 2024 dibentangkan, pemimpin dan rakyat Sabah dan Sarawak mengharapkan adanya peningkatan peruntukan bagi negeri tersebut. Sebanyak RM5.8 bilion disalurkan untuk Sarawak, iaitu peningkatan sebanyak RM200 juta berbanding dengan Belanjawan 2023. Manakala bagi Sabah peruntukan meningkat RM100 juta daripada sebanyak RM6.5 bilion kepada RM6.6 bilion. Hakikatnya, jumlah belanjawan yang dibentangkan memang tidak memadai untuk Sabah dan Sarawak yang luas. Sabah sentiasa mendapat jumlah yang lebih besar dengan penduduk lebih daripada tiga juta berbanding dengan Sarawak sekitar 2.8 juta orang. Meskipun jumlah peningkatan belanjawan ini tidak seperti yang diharapkan, setidak-tidaknya hal ini memperlihatkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memenuhi aspirasi rakyat

Sabah dan Sarawak. Tujuannya bukan saja untuk mempercepat pembangunan di luar bandar, tetapi juga merapatkan jurang pembangunan antara kedua-dua wilayah itu dengan Semenanjung. Selepas 60 tahun Malaysia dibentuk, wajar kadar kemiskinan dihapuskan dan jurang perbezaan yang ketara dari semua segi terutama pembangunan prasarana, sosial dan ekonomi dirapatkan.

Hakikatnya, Kerajaan Perpaduan telah meningkatkan kadar Pemberian Khas interim untuk Sabah dan Sarawak kepada RM300 juta, berbanding dengan RM16 juta bagi Sarawak, dan sebanyak RM125.6 juta bagi Sabah sebelum ini. Kali terakhir kajian semula Pemberian Khas kepada Sarawak dan Sabah dibuat, masing-masing ialah pada tahun 1969 dan tahun 2022. Sabah dan Sarawak sebenarnya pada awal pembentukan Malaysia pernah menerima geran khas selain daripada geran jalan raya negeri dan pemberian mengikut bilangan orang (capitation grant).

Selain itu, di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan, geran khas sepatutnya dikaji semula setiap

lima tahun. Jumlah keseluruhan geran khas yang diterima oleh Sarawak adalah sebanyak RM16 juta bagi tempoh 10 tahun dari tahun 1985 hingga tahun 1995 berbanding dengan RM26.7 juta yang disalurkan untuk Sabah. Di bawah Artikel 112C Perlembagaan Persekutuan, Sarawak menerima peruntukan khas, dan pada asalnya terdapat geran imbalan tahunan yang ditetapkan pada kadar RM5.8 juta setahun pada 1963. Terdapat juga *escalating grant* tahunan untuk Sarawak yang sepatutnya ditambah pada setiap tahun – dan sepatutnya dikaji semula dan ditetapkan pada setiap lima tahun. Pada tahun 1968, selepas kajian semula yang pertama, geran tahunan berkenaan telah dihapuskan.

Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan, Kerajaan Persekutuan juga telah menurunkan kuasa pelaksanaan projek pembangunan di bawah nilai RM50 juta kepada agensi teknikal Sabah dan Sarawak. Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023 juga telah diluluskan di Dewan Rakyat pada penggal ini. Tujuannya adalah untuk memperuntukkan wakil Kerajaan Negeri Sabah dan seorang wakil Kerajaan Negeri Sarawak selaras dengan hasil Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) 1963. Dengan itu, pihak hasil kutipan keseluruhan dari Sabah dan Sarawak akan diketahui oleh kedua-dua wakil itu.

Semua langkah yang diambil ini merupakan manifestasi kesungguhan Kerajaan Perpaduan untuk melaksanakan tuntutan dan memenuhi aspirasi Perjanjian Malaysia 1963 seperti yang diimpikan oleh para pejuang kemerdekaan dan pengasas pembentukan Malaysia enam dasawarsa lalu. Diharapkan prasarana asas terutama di luar bandar akan dapat dibina dengan sebaik mungkin, bekalan elektrik dan air ditangani dengan segera


dan sekolah daif dibina semula bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Juga diharapkan dengan peruntukan berkenaan, kadar kemiskinan di Sabah dan Sarawak akan dapat terus dikurangkan, malah dihapuskan seperti yang menjadi iltizam dan komitmen Perdana Menteri.

Pusat kanser di Kuching yang turut disebut dalam belanjawan itu perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Persekutuan dengan menyalurkan peruntukan yang munasabah. Selain itu, negeri ini turut memerlukan peningkatan perkhidmatan Internet yang lebih baik. Jadi, peruntukan untuk liputan 5G perlu ditambah. Selain itu, hasrat Kerajaan Sarawak untuk muncul sebagai negeri jelang padi baharu perlu disokong oleh Kerajaan Persekutuan bagi menangani isu kekurangan beras. Ketika ini, Sarawak hanya mampu mengeluarkan 34% daripada keperluan beras di negeri ini dengan mengeluarkan 83,000 tan metrik beras pada

Bantuan dalam bentuk penyaluran peruntukan untuk membina dan menaik taraf infrastruktur seperti perparitan dan tali air bagi amat diperlukan bagi merencanakan pengeluaran padi.

tahun lepas. Jumlah beras yang diimport pula adalah sebanyak 145,000 tan metrik. Bantuan dalam bentuk penyaluran peruntukan untuk membina dan menaik taraf infrastruktur seperti perparitan dan tali air bagi amat diperlukan bagi merencanakan pengeluaran padi.

Pada kiraan terakhir, menjadi harapan rakyat agar peruntukan yang disalurkan itu dirancang, diurus dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Aspek tadbir urus yang baik dalam kalangan Kementerian dan semua pihak yang dipertanggungjawabkan dalam memikul amanah menguruskan dana dan projek untuk rakyat merupakan satu aspek kritikal. Hal ini bagi memastikan tidak berlaku ketirisan dan pembaziran yang merugikan rakyat sehingga turut menjejaskan imej negeri dan negara di mata rakyat dan negara luar. Hanya dengan adanya kesedaran tinggi dan amalan yang teguh terhadap prinsip tersebut, segala peruntukan itu akhirnya mengalir ke akar umbi dan rakyat yang menjadi sasaran utama akan mendapat manfaatnya.

Pembangunan dan kemajuan tentu dapat dicapai jika peruntukan dalam belanjawan ini dapat dimanfaatkan dengan efisien oleh penjawat awam dan kontraktor yang terbabit. Justeru, langkah kerajaan memberi penekanan terhadap aspek ketelusan dan akauntabiliti sememangnya wajar kerana menyedari bahawa hanya dengan wujudnya nilai dan amalan akan berkenaan dapat menjamin peruntukan tidak disalahgunakan, dibazirkan atau berlaku ketirisan. Hasrat, matlamat dan segala perancangan dan peruntukan yang disalurkan dalam Belanjawan 2024 ini perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi memenuhi agenda dan impian negara dan rakyat pada keseluruhannya. 

Datuk Dr. Jeniri Amir ialah penganalisis politik dan Fellow Kanan Majlis Profesor Negara.